

Meneroka Perspektif Islam Berhubung dengan Penahanan Reman dan Penambahbaikan Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah di Malaysia

Exploring the Islamic Perspective on Remand Detention and Legal Improvement to the Shariah Criminal Procedure Law in Malaysia

SUHAIZAD SAIFUDDIN*, HANIFAH HAYDAR ALI TAJUDDIN &
FATIMAH YUSRO HASHIM

Received: 23 February 2025 /Accepted: 27 March 2025

ABSTRAK

Undang-undang jenayah Syariah yang bersumberkan daripada prinsip Islam bertujuan memastikan keadilan dan kesaksamaan dalam proses perundangan. Namun, ketiadaan peruntukan berkaitan penahanan reman bagi siasatan kesalahan jenayah syariah di Malaysia, menimbulkan cabaran yang signifikan dalam pentadbiran keadilan. Walaupun undang-undang Islam menekankan prinsip keadilan dan kesaksamaan ('adl), ketiadaan peruntukan undang-undang yang jelas berhubung dengan penahanan reman merumitkan proses siasatan, khususnya dalam kes-kes serius atau kompleks yang memerlukan lanjutan tempoh tahanan bagi mengumpul bukti yang mencukupi. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji asas jurispruden Islam berkaitan penahanan reman dengan menganalisis al-Quran, al-Sunnah, teks-teks klasik dan kontemporari berhubung dengan penahanan pesalah. Kajian ini juga menganalisis isu-isu yang timbul daripada ketiadaan peruntukan penahanan reman dalam kes jenayah Syariah di Malaysia. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk mencadangkan penambahbaikan undang-undang berkaitan dengan penahanan reman. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mendapatkan data melalui sumber primer dan sekunder. Data tersebut dianalisis menerusi kaedah analisis kandungan dan deduktif. Hasil kajian mendapati bahawa Islam membenarkan penahanan reman dengan menggariskan syarat dan garis panduan yang harus dipatuhi. Oleh itu, ketiadaan peruntukan jelas berkaitan penahanan reman dalam Enakmen Tatacara Jenayah Syariah di Malaysia menyebabkan kesukaran kepada pegawai penguatkuasa khususnya dalam kes jenayah yang sukar dan kompleks. Kajian ini mengesyorkan agar peruntukan penahanan reman dimasukkan ke dalam Enakmen Tatacara Jenayah Syariah di setiap negeri, bagi memperkasakan sistem perundangan syariah di Malaysia.

Kata kunci: Jenayah Syariah; Penahanan; Penahanan Reman; Tatacara Jenayah Syariah; Penambahbaikan Undang-undang

ABSTRACT

Syariah Criminal Law, based on Islamic principles, aims to ensure justice and fairness in the legal process. However, the absence of provisions related to remand detention for investigations into Syariah criminal offences in Malaysia presents significant challenges in the administration of justice. While Islamic law emphasises the principles of justice and equality ('adl), the lack of clear legal provisions regarding remand detention complicates the investigation process, particularly in serious or complex cases that require an extended detention period to gather sufficient evidence. The objective of this study is to analyse the Islamic jurisprudential basis concerning remand detention by examining the Qur'ān, Sunnah, and both classical and contemporary texts related to the detention of offenders. This study also analyses the issues arising from the absence of remand provisions in Syariah criminal cases in Malaysia. Additionally, the study aims to propose improvements to the laws regarding remand detention. This research adopts a qualitative approach, obtaining data from both primary and secondary sources. The data is analysed through content analysis and deductive methods. The findings of the study indicate that Islam permits remand detention, outlining conditions and guidelines that must be adhered to. Therefore, the lack of clear provisions regarding remand detention in the Syariah Criminal Procedure Enactment in Malaysia creates difficulties for law enforcement officers, particularly in difficult and complex criminal cases. This study recommends that remand detention provisions be incorporated into the Syariah Criminal Procedure Enactment in each state to strengthen the Syariah legal system in Malaysia.

Keywords: Shariah Crime; Detention; Remand Detention; Shariah Criminal Procedure; Legal Improvement

PENGENALAN

Kebebasan asasi seperti hak untuk hidup dan kebebasan peribadi adalah antara hak asasi manusia yang paling asas dan diiktiraf oleh undang-undang. Di Malaysia, hak-hak ini dilindungi secara perlembagaan, khususnya di bawah Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan, yang menjamin setiap individu hak untuk hidup, kebebasan dan keselamatan diri. Perkara ini memastikan bahawa tiada individu boleh dilucutkan hak-hak tersebut kecuali mengikut undang-undang dan sebarang pelucutan hak yang tidak sah mesti tertakluk kepada semakan kehakiman. Secara khusus, Perkara 5 menetapkan bahawa individu yang ditangkap mesti dihadapkan kepada majistret atau hakim dalam tempoh dua puluh empat jam dan tiada penahanan lanjut dibenarkan tanpa kelulusan kehakiman. Langkah perlindungan prosedur ini memastikan bahawa penangkapan dan penahanan dijalankan secara sah, melindungi individu daripada pemenjaraan yang tidak sah. Namun, terdapat satu kekurangan ketara dalam Enakmen Tatacara Jenayah Syariah di semua negeri di Malaysia iaitu ketiadaan peruntukan bagi penahanan pra-perbicaraan atau reman. Kekurangan ini mencetuskan cabaran besar kepada pegawai penguatkuasa agama, kerana ketiadaan kuasa undang-undang untuk menahan suspek bagi tujuan siasatan lanjut menyukarkan penguatkuasaan undang-undang jenayah Syariah secara berkesan. Tanpa kemampuan untuk menahan individu semasa siasatan, pihak berkuasa sering gagal mengumpul bukti yang mencukupi, terutama dalam kes-kes yang kompleks atau serius.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan kualitatif dengan bergantung kepada sumber primer dan sekunder. Data primer diperoleh daripada al-Quran dan al-Sunnah, dokumen perundangan seperti statut yang berkaitan, kes yang dilaporkan, Sumber-sumber ini merupakan sumber utama dalam menggali pemahaman yang mendalam mengenai prinsip-prinsip undang-undang Islam serta pelaksanaannya dalam konteks perundangan moden. Data sekunder pula diperoleh daripada artikel jurnal, buku akademik, serta teks Islam klasik dan kontemporari. Penyelidikan perpustakaan terhadap dokumen merupakan kaedah utama dalam pengumpulan data, yang melibatkan pencarian dan pengkajian bahan-bahan yang relevan dari pelbagai disiplin ilmu. Analisis data dilakukan menggunakan teknik analisis kandungan dan analisis deskriptif, memastikan analisis yang menyeluruh dan sistematik terhadap perspektif Islam dan perundangan. Teknik ini membolehkan peneliti menilai secara mendalam makna dan kandungan teks serta membuat kesimpulan yang berlandaskan bukti yang jelas.

SOROTAN LITERATUR

DEFINISI DAN SEJARAH PENAHANAN DALAM ISLAM

Menurut fiqh Islam, perkataan *habs* dari sudut linguistik membawa maksud larangan. Sinonim kepada perkataan *habs* termasuk *sajn*, *hasr* dan *i'tiqal* yang merujuk kepada penahanan dan pencegahan (Al-Fayyumi, 1977). Dari sudut terminologi, istilah *habs* mempunyai beberapa makna, antaranya menahan seseorang di tempat yang sempit dan melarangnya keluar. Ia juga bermaksud mengekang seseorang dan menghalangnya daripada bertindak secara bebas atau melaksanakan tanggungjawab agama dan sosialnya (Al-Kasani, 1986). Ibn Qayyim al-Jauzi

(1989) menjelaskan bahawa penahanan dalam Islam tidak merujuk kepada ruang yang sempit, tetapi lebih kepada tempat yang mampu mencegah seseorang daripada bertindak secara sewenang-wenangnya. Penahanan ini boleh berlaku di rumah, masjid atau tempat lain selain kedua-duanya. Begitulah gambaran penahanan pada zaman Nabi Muhammad SAW dan khalifah Abu Bakar, di mana tiada tempat khas untuk menahan individu atau pesalah. Penahanan pra-perbicaraan atau *habs ihtiyati* merujuk kepada proses menahan seseorang yang dituduh melakukan jenayah tetapi belum terbukti bersalah. Individu yang ditahan dalam reman dianggap tidak bersalah sehingga dibuktikan sebaliknya. Oleh itu, penahanan mereka bukanlah satu bentuk hukuman tetapi langkah pencegahan untuk memastikan mereka tidak melarikan diri atau mengganggu proses siasatan. Sepanjang tempoh ini, individu yang ditahan diperlakukan berbeza daripada pesalah yang telah disabitkan (Ahmad Fathi Bahnasi, 1983). Al-Sarakhsi (1989) menyatakan bahawa jika seorang hakim ragu-ragu terhadap kredibiliti saksi, hakim dibenarkan untuk menahan tertuduh buat sementara waktu bagi menyiasat integriti saksi tersebut. Jika tertuduh dibebaskan tanpa siasatan yang mencukupi, ada kemungkinan mereka akan melarikan diri dan mengelak daripada dikenakan tindakan. Oleh itu, penahanan dalam kes seperti ini adalah berdasarkan kecurigaan terhadap perbuatan tidak bermoral.

Pada zaman Nabi Muhammad SAW dan pemerintahan Abu Bakar As-Siddiq, kemudahan penahanan seperti yang ada hari ini belum wujud. Walau bagaimanapun, terdapat kes di mana individu ditahan di tempat tertentu, seperti di Masjid Nabi, sehingga keputusan dibuat. Sebagai contoh, terdapat satu riwayat dari Harth al-Fakhri, beliau berkata "Aku membawa seseorang yang berhutang kepada Nabi SAW. Nabi SAW kemudian mengarahkan agar orang tersebut ditahan. Baginda bertanya "Apa yang telah kamu lakukan terhadap tawanan tersebut? " (Abu Dawud, 1993) Peristiwa ini menunjukkan bahawa pada zaman Nabi SAW, penahanan dilakukan dalam situasi tertentu, walaupun tanpa kemudahan khas seperti penjara pada hari ini. Pada zaman Nabi SAW, penahanan boleh dilakukan di tempat-tempat seperti masjid, yang pada masa itu tidak mempunyai sistem penjara yang formal. Tindakan ini juga menunjukkan bahawa penahanan untuk tujuan siasatan atau memastikan pembayaran hutang adalah dibenarkan dalam Islam, asalkan ia dilakukan dengan niat untuk menegakkan keadilan.

Di samping itu, terdapat juga peristiwa Dari Anas Ibn Malik RA, beliau berkata: "Nabi SAW menahan Thumamah Ibn Uthal, seorang lelaki dari Bani Hanifah, yang ditangkap oleh pasukan berkuda dan diikat pada tiang masjid. Nabi SAW datang kepadanya dan bertanya "Apa pendapatmu mengenai keadaan dirimu, wahai Thumamah? "Thumamah menjawab "Jika kamu ingin membunuh saya, maka saya adalah orang yang layak dibunuh, jika kamu memberi kebaikan, maka saya akan berterima kasih, dan jika kamu inginkan harta, saya siap memberikannya. "Nabi SAW membiarkannya selama tiga hari, memberinya peluang untuk merenung dan memperbaiki niatnya. Setelah tiga hari, Nabi SAW memerintahkan agar Thumamah dibebaskan tanpa mengenakan hukuman" (Sahih al-Bukhari, 1997). Terdapat juga peristiwa ketika beberapa orang dari kaum Muawiyah Ibn Haydah ditahan oleh Nabi SAW atas dasar tuduhan. Seorang lelaki datang kepada Nabi SAW yang sedang berkhotbah dan bertanya mengapa jiran-jirannya ditahan. Nabi SAW mendoakan diri dan kemudian berkata bahawa ada yang menuduh lelaki tersebut melarang sesuatu tetapi melakukannya secara diam-diam. Nabi SAW kemudiannya meminta agar jiran-jirannya dibebaskan (Ahmad Ibn Hanbal, 1999). Dalam hal ini, Nabi SAW memberi ruang kepada orang yang ditahan untuk membersihkan nama mereka. Tindakan menahan berdasarkan tuduhan adalah sesuatu yang boleh diterima, namun proses penyiasatan harus dijalankan dengan adil dan telus. Sekiranya tuduhan tersebut tidak terbukti atau tidak wajar, tindakan membebaskan individu yang ditahan adalah langkah yang betul. Kes ini juga menunjukkan bahawa hakim atau

pemimpin mempunyai kuasa untuk menahan seseorang berdasarkan tuduhan, tetapi ia perlu disertai dengan bukti atau penilaian yang adil.

Pada zaman pemerintahan Khalifah Umar al-Khattab, beliau menetapkan dasar berkaitan sistem penjara. Khalifah Umar membangunkan sistem ini di Madinah dan Mekah. Contohnya, beliau pernah memenjarakan Hutaiah di tempat gelap sebagai hukuman kerana menghina Zibriqan Ibn Badr di Madinah. Ini berbeza daripada tempat penahanan sebelumnya yang lebih terbuka. Di Mekah, sistem penjara dikembangkan dengan lebih jelas. Ketika Khalifah Umar melihat peningkatan bilangan penjenayah dan orang jahat, beliau memutuskan untuk melaksanakan sistem penjara di Mekah. Khalifah Umar membeli sebuah rumah daripada Safwan Ibn Umayyah dengan harga 4,000 dirham untuk dijadikan penjara. Rumah ini adalah rumah pertama dalam sejarah Islam yang dikhususkan sebagai penjara secara umum dan Khalifah Umar dikenali sebagai yang pertama melaksanakannya (Ghalib, 2008).

JENIS-JENIS PENAHANAN DALAM ISLAM

Para sarjana Islam membahagikan penahanan kepada dua kategori utama, iaitu:

1. Penahanan Untuk Hukuman

Kategori ini diterapkan selepas keputusan muktamad dibuat oleh pihak yang berautoriti terhadap tertuduh, contohnya hukuman sebat untuk penzina lelaki yang belum berkahwin sebanyak 100 kali sebatan dan penjara selama satu tahun mengikut prinsip *maslahah*. Hukuman seperti ini disebut oleh fuqaha dalam Mazhab Maliki (Ibn Farhun, 1958). Selain itu, Mazhab Hanafi turut memberikan contoh untuk kategori ini, seperti seseorang yang mencederakan individu lain dengan kecederaan yang boleh dimaafkan seperti *qisas*. Mereka dikenakan *ta'widh* (pembayaran pampasan) dan penjara sebagai ganti kepada *qisas*. Begitu juga, penahanan terhadap seorang suami yang bersumpah untuk tidak bergaul dengan isterinya sehingga dia membayar kifaratus tindakannya. Langkah ini bertujuan untuk menghapuskan kemudaratan terhadap isteri (Ibn 'Abidin, 1996). Mazhab Syafie juga memberikan contoh bagi kategori ini, seperti menahan seseorang yang enggan membayar kifaratus nazar, *zihar* atau puasa sehingga dia memenuhi salah satu kewajipan yang disebutkan oleh Imam Syafie (Al-Suyuti, 1994).

2. Penahanan untuk Tujuan Penyiasatan (*Al-Habs Lil Istisq*)

Merujuk kepada *Al-Mausu'ah Al-Fiqhiyyah*, kategori ini bermaksud penahanan yang dilakukan sebelum hukuman dijatuhkan, iaitu pada peringkat menjalankan siasatan terhadap tertuduh. Penahanan ini bertujuan menahan seseorang atau menghalangnya daripada bertindak sewenang-wenangnya semasa proses penyiasatan. Penahanan dalam kategori ini adalah untuk memastikan tertuduh tidak melarikan diri dan bukan untuk pelaksanaan hukuman (Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Agama Kuwait, 1993). Penahanan untuk tujuan penyiasatan ini boleh dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu:

a) Penahanan Disebabkan oleh Tuduhan (*Al-Habs Li Tohmah*)

Menurut para sarjana Islam, tertuduh adalah individu yang didakwa melakukan perbuatan yang dilarang atau jenayah yang mesti dihukum. Dalam keadaan tertentu, tertuduh dibenarkan memberikan bukti untuk membela dirinya, sama ada dalam kes melibatkan

undang-undang hudud, *qisas* atau takzir. Penahanan dalam situasi ini bertujuan untuk siasatan, di mana tuduhan menjadi sebab pembatasan terhadap tindakan seseorang yang disyaki. Ini adalah untuk memastikan sebarang tuduhan terhadapnya, sama ada berkaitan hak Allah atau hak manusia, dapat disiasat dan dibuktikan. Penahanan ini juga dikenali sebagai *preventive detention* (penahanan pencegahan), yang bertujuan untuk membongkar kebenaran di sebalik tuduhan tersebut (Ibn Qayyim, 1989). Ibn Taimiyah (2004) menjelaskan bahawa tuduhan adalah dakwaan terhadap jenayah dan perbuatan yang dilarang yang wajar dihukum ke atas pelaku. Contohnya termasuk tuduhan membunuh, menyekat jalan, mencuri, qazaf atau mencetuskan kekacauan dengan keganasan dan perbuatan salah lain, di mana tertuduh biasanya diberi peluang untuk memberikan bukti.

b) Penahanan Sebagai Langkah Berjaga-jaga (*Al-Habs Lil Ihtiraz*)

Menurut bahasa, berjaga-jaga (*Ihtiraz*) bermaksud menjaga sesuatu dengan berhati-hati (Firuzabadi, 1993). Berdasarkan *Al-Mausu'ah Al-Fiqhiyyah* langkah berjaga-jaga bermaksud melindungi kebaikan umum daripada individu yang berpotensi membawa mudarat, walaupun tanpa tuduhan (Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Agama Kuwait, 1993). Antara contoh penahanan sebagai langkah berjaga-jaga yang disebut oleh fuqaha adalah menahan pelacur wanita dan anak-anak mereka untuk melindungi mereka daripada terus terlibat dalam pelacuran, walaupun mereka bukan daripada golongan yang melakukan keganasan (Al-Kasani, 1986). Langkah ini juga termasuk menahan individu yang berpotensi membahayakan orang lain sebagai langkah untuk mencegah kemudaratan yang mungkin ditimbulkan oleh mereka. Sebagai contoh, Hakim Shurayh menetapkan bentuk penahanan ini melalui tindakannya apabila kes melibatkan tertuduh yang enggan melaksanakan hak-hak yang sepatutnya dibawa kepadanya, beliau akan menahan tertuduh di dalam dewan kehakiman atau di masjid yang menjadi tempat sementara untuk perbicaraan, sehingga beliau menyelesaikan kes tersebut. Sekiranya tertuduh memenuhi hak pemilik hak, beliau akan dibebaskan. Jika tidak, beliau akan diperintahkan untuk dipenjarakan (Ibn Muflih, 2004).

c) Penahanan untuk Melaksanakan Hukuman Lain

Penahanan dalam kategori ini dilakukan apabila terdapat halangan sementara pada tertuduh yang menghalang pelaksanaan hukuman yang telah dijatuhkan kepadanya. Contohnya, jika tertuduh sakit dan dijangka sembuh atau seorang wanita yang hamil, menyusukan anak atau berada dalam tempoh nifas, pelaksanaan hukuman akan ditangguhkan sehingga halangan tersebut diselesaikan. Namun, jika terdapat kebimbangan bahawa tertuduh akan melarikan diri sebelum hukuman dilaksanakan, maka penahanan dibenarkan (Ibn Abi Syaibah, 1983).

Dalil bagi kategori ini ialah kisah seorang wanita yang berzina pada zaman pemerintahan Khalifah Umar al-Khattab. Khalifah Umar berhasrat untuk merejam wanita tersebut, namun beliau sedang hamil. Mu'adz berkata kepada beliau "*Jika engkau mempunyai kuasa terhadap wanita itu, engkau tidak mempunyai kuasa terhadap kandungannya.*" Lalu Khalifah Umar menjawab "*Wanita tidak akan dapat melahirkan seseorang sepertimu,*" dan beliau tidak merejam wanita itu (Ibn 'Abidin, 1996). Khalifah Umar tidak memerintahkan penahanan wanita tersebut kerana motivasi agama yang kuat pada zamannya dan wanita itu telah mengaku bersalah, menjadikan kemungkinan untuk

melarikan diri rendah. Namun, jika hakim berpendapat bahawa tertuduh mungkin melarikan diri, maka adalah dibenarkan untuk menahannya sehingga halangan selesai dan hukuman dapat dilaksanakan. Para ulama juga bersetuju bahawa sesiapa yang dikenakan hukuman hudud, kecuali hukuman rejam, akan ditahan selepas setiap hudud dilaksanakan sehingga tubuhnya pulih, agar ia mampu menanggung hukuman berikutnya dengan lebih ringan. Ini kerana pelaksanaan semua hukuman hudud secara serentak boleh memusnahkan tubuh tertuduh, sedangkan tujuan hudud adalah untuk mencegah dan mendidik, bukan untuk membinasakan (Al-Sarkhasi, 1989). Selain itu, fuqaha juga bersetuju bahawa pelaksanaan hukuman sebat akan ditangguhkan bagi orang yang menghadapi halangan, seperti cuaca yang terlalu sejuk atau terlalu panas, untuk mengelakkan risiko kematian. Mazhab Hanafi menetapkan bahawa tertuduh akan ditahan sepanjang tempoh halangan ini (Ibn 'Abidin, 1996).

PERBINCANGAN DAN DAPATAN

PENAHANAN REMAN UNTUK TUJUAN PENYIASATAN DALAM ISLAM

Penahanan reman (*Al-Habs al-Ihtiyati*) termasuk dalam kategori penahanan untuk penyiasatan (*Al-Habs lil Istisaaq*). Para fuqaha tidak memberikan definisi khusus mengenai reman tetapi berpendapat bahawa seseorang yang disyaki melakukan jenayah layak untuk ditahan sehingga kedudukannya jelas. Al-Kasani (1986) berpendapat bahawa jika seseorang yang disyaki berada dalam keadaan tidak diketahui sama ada kaya atau miskin dan tidak ada bukti untuk membuktikannya, serta pemiutang meminta agar dia ditahan, maka dia boleh ditahan untuk menentukan keadaannya. Jika dia kaya, dia harus ditahan sehingga membayar hutangnya kerana jelas dia menzalimi pemiutang. Namun, jika diketahui dia miskin, maka dia harus dibebaskan.

Ibn Farhun (1958) pula menjelaskan bahawa jika seseorang disyaki melakukan pembunuhan tidak sengaja, dia boleh ditahan kerana kemungkinan perbuatan itu dilakukan secara sengaja. Oleh itu, tertuduh ditahan untuk mengesahkan tindakannya, seperti kes dengan bukti atau keterangan yang tidak lengkap atau untuk menyiasat saksi yang dapat mengesahkan keadilannya atau memeriksa keadaan tertuduh sama ada dia pernah melakukan jenayah sebelumnya. Para ulama Islam berbeza pendapat tentang kewajaran penahanan reman dan pandangan mereka terbahagi kepada dua golongan:

1. Pendapat Pertama: Sah Penahanan Reman

Majoriti ulama dari mazhab Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali berpendapat bahawa penahanan reman adalah sah sebagai salah satu kaedah *takzir* dan ijtihad hakim. Ibn Habib meriwayatkan daripada Mutarrif bahawa jika seseorang kehilangan hartanya atau menuduh orang asing, orang yang dituduh boleh ditahan sehingga keadaannya disiasat, tetapi tempoh penahanan tidak boleh terlalu lama. Hal ini kerana Nabi Muhammad SAW pernah menahan seorang lelaki yang dituduh mencuri oleh pemilik harta tersebut yang menemani perjalanan lelaki itu (Abu al-Walid al-Baji, 1999). Dalam kitab *Al-Mudawwanah* disebutkan: "*Saya bertanya: Apa pendapatmu tentang seorang lelaki yang menyaksikan lelaki lain minum arak atau berzina dan kemudian berkata kepada hakim: Saya akan membawa saksi lain mengenai perkara itu juga? Dia menjawab: Jika ini berlaku, hakim boleh menahannya.*" (Imam Sahnun, 1994). Pandangan Ibn al-Najjar diperjelaskan oleh Al-Buhuti (2000) bahawa sesiapa yang membawa bukti dan meminta penahanan lawannya atau membawa

saksi dan meminta penahanan lawannya sehingga dia membawa saksi lain, permintaannya boleh diterima.

Jumhur fuqaha merujuk kepada firman Allah SWT yang bermaksud "*Dan antara perempuan-perempuan kamu yang melakukan perbuatan keji (zina), hendaklah ada empat orang saksi di antara kamu (yang menyaksikannya). Kemudian apabila mereka telah memberi kesaksian, maka kurunglah mereka (perempuan itu) dalam rumah hingga sampai ajalnya, atau hingga Allah memberi jalan (yang lain) kepadanya.*" (Surah An-Nisa':15). Berdasarkan ayat ini Allah SWT memerintahkan agar menahan para wanita yang melakukan perzinaan di rumah sekiranya telah diberikan kesaksian yang cukup. Menahan di sini bermaksud mengurung mereka dalam rumah. Perintah ini berlaku pada awal perkembangan Islam sebelum berkembangnya jumlah penjenayah. Setelah jumlah penjenayah meningkat dan dikhuatiri mereka akan melarikan diri, maka disediakanlah penjara untuk mereka. Hal ini menunjukkan kewajaran penahanan reman sebagai langkah keselamatan dan pencegahan.

Di samping itu, firman Allah SWT dalam yang bermaksud "*Wahai orang yang beriman! Apabila salah seorang di antara kamu hampir mati, ketika (dia mahu) berwasiat, hendaklah wasiatnya itu disaksikan oleh dua orang yang adil di antara kamu, atau dua orang lain (yang bukan seagama) dengan kamu, jika kamu dalam perjalanan di muka bumi lalu kamu ditimpa musibah sakit yang membawa kematian. Kalau kamu ragu-ragu tentang kejujuran kedua saksi itu, hendaklah kamu tahan mereka selepas solat.*" (Surah Al-Ma'idah:106). Firman Allah ini adalah pada perintah "*hendaklah kamu tahan mereka selepas solat.*" Dalam konteks ini, solat yang dimaksudkan ialah solat Asar, kerana Nabi SAW menahan Bani Adiy dan Tamim selepas solat Asar untuk memastikan kedua saksi bersumpah atas kesaksian mereka. Penahanan ini berlaku pada waktu tersebut kerana selepas solat Asar adalah waktu yang sesuai di mana aktiviti harian hampir selesai dan orang ramai tidak terlalu sibuk. Pada waktu ini juga para hakim duduk untuk mengadili kes-kes yang perlu diselesaikan, seperti kezaliman dan tuntutan hak. Hal ini menunjukkan bahawa penahanan sementara, khususnya untuk memastikan keadilan dan ketelusan dalam memberi kesaksian, adalah suatu yang telah diterima dalam tradisi perundangan Islam (Al-Maraghi, 1974).

Jumhur fuqaha juga merujuk firman Allah SWT yang bermaksud "*Kemudian timbul fikiran bagi suami perempuan itu, serta orang-orangnya hendak memenjarakan Yusuf sesudah mereka nampak tanda-tanda (yang menghendaki supaya Yusuf dijauhkan) hingga ke suatu masa. Dan masuklah bersama-samanya ke penjara dua orang khadam raja. Salah seorang di antaranya (bertanya kepada Yusuf dengan) berkata: "Sesungguhnya aku bermimpi melihat diriku memerah anggur ." Dan berkata pula yang seorang lagi: "Sesungguhnya aku bermimpi melihat diriku menjunjung roti atas kepalaku, yang sebahagiannya dimakan oleh burung."* (kemudian keduanya berkata): "*Terangkanlah kepada kami akan takbirnya. Sesungguhnya kami memandangmu: dari orang-orang yang berbuat kebaikan (untuk umum).*" (Surah Yusuf:35-36). Al-Quran menceritakan tentang suatu peristiwa di Mesir pada zaman dahulu, di mana terdapat sebuah penjara yang digunakan untuk menahan individu-individu yang didakwa melakukan kesalahan, seperti kedua pembantu rajayang dicurigai dan dituduh meracuni raja. Peristiwa ini menunjukkan kewajaran penahanan berdasarkan tuduhan, yang mengikut prinsip-prinsip keadilan untuk melindungi proses siasatan dan memastikan keselamatan pihak-pihak yang terlibat (Ibn Kathir, 2002).

Para jumbuh juga merujuk kepada beberapa hadis sebagai panduan. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah ra bahawa beliau berkata, "*Rasulullah SAW telah mengirinkan pasukan berkuda menuju Najd, dan mereka membawa seorang lelaki dari Bani Hanifah yang bernama Thumamah Ibn Uthal. Mereka mengikatnya pada salah satu tiang masjid. Kemudian, Rasulullah SAW keluar menemui Thumamah dan bertanya, "Apa yang ada padamu, wahai Thumamah?" Thumamah menjawab, "Aku berada dalam keadaan baik, wahai Muhammad. Jika engkau membunuhku, engkau membunuh seseorang yang patut dibunuh (kerana kesalahannya). Jika engkau memberi kebaikan kepadaku, engkau akan memberikan kebaikan kepada seseorang yang tahu berterima kasih. Dan jika engkau mahukan harta, mintalah daripadaku."* Rasulullah SAW meninggalkannya, dan selama tiga hari berturut-turut, Thumamah tetap mengulang jawapan yang sama. Setelah itu, Rasulullah SAW memerintahkan supaya Thumamah dibebaskan." (Al-Bukhari, 1997). Peristiwa ini menjadi dalil mengenai kebolehan untuk mengikat dan menahan tawanan, serta hak seseorang untuk menanggukkan penyelesaian terhadap urusan yang belum selesai (Abi 'Iyyad, 1998). Nabi SAW meninggalkannya selama tiga malam dan Thumamah masih menyatakan perkara yang sama. Kemudian, Nabi SAW memerintahkan agar dia dibebaskan.

Terdapat juga sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abdur Razzaq daripada Ma'mar daripada Bahz Ibn Hakim daripada ayahnya daripada datuknya Muawiyah Ibn Haydah, beliau berkata "*Rasulullah SAW menahan beberapa orang dari kaumnya kerana tuduhan. Lalu, seorang lelaki dari kaumnya datang kepada Nabi yang sedang berkhotbah dan berkata "Wahai Muhammad, mengapa engkau menahan jiran-jiranku?" Rasulullah SAW diam, lalu lelaki itu berkata lagi "Sesungguhnya ada orang yang mengatakan bahawa engkau melarang sesuatu tetapi melakukannya secara diam-diam."* Nabi SAW bertanya, "*Apa yang dia katakan?" Perawi berkata: "Aku terus bercakap di antara mereka dengan kata-kata supaya dia tidak mendengar dan berdoa terhadap kaumnya dengan doa yang menyebabkan mereka tidak berjaya selepas itu, aku terus berbuat demikian sehingga akhirnya Nabi SAW berkata "Bebaskan jiran-jirannya."*" (Ahmad Ibn Hanbal, 1999). Hadis ini seperti yang dinyatakan oleh para ulama, bahawa penahanan atas dasar tuduhan sahaja adalah sah. Hadis ini juga menunjukkan sebagaimana yang disebutkan oleh para ulama tentang keabsahan penahanan reman walaupun hanya berdasarkan tuduhan. Hakim yang dilantik untuk menyampaikan hak kepada yang berhak menerimanya berperanan untuk memastikan keadilan, dan apabila orang yang dituntut enggan memenuhi hak penuntut, hakim tidak mempunyai pilihan lain selain memaksanya untuk memenuhi hak tersebut. Dalam konteks ini, penahanan merupakan langkah yang lebih utama berbanding paksaan secara fizikal, kerana penahanan bertujuan untuk memastikan hak ditunaikan tanpa mencederakan pihak yang terlibat (Ibn al-Humam, 1970).

Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan Ibn Majah, di mana Harmas Ibn Habib menyatakan: "*Saya membawa seseorang yang berhutang kepada saya kepada Nabi SAW."* lalu Baginda berkata kepada saya, "*Tahan dia*" Kemudian Baginda bersabda, "*Wahai saudara Bani Tamim, apa yang kamu ingin lakukan terhadap tawanan kamu?"* (Abu Dawud, 1993). Peristiwa ini menggambarkan bentuk penahanan pada zaman Nabi Muhammad SAW dan Abu Bakar. Penahanan pada masa itu dilakukan secara tidak formal, tanpa kemudahan khas dan disesuaikan dengan keperluan situasi untuk memastikan keadilan ditegakkan. Diriwayatkan juga oleh al-Bukhari dalam sahihnya daripada Ibn Umar, beliau berkata: "*Rasulullah SAW tiba di Khaibar dan memerangi penduduknya*

sehingga mereka terpaksa berlindung di dalam kubu mereka. Baginda menguasai tanah, tanaman, dan pokok-pokok kurma mereka. Mereka kemudian membuat perdamaian dengan Baginda dengan syarat mereka akan diusir keluar dari Khaibar dan hanya dibenarkan membawa barang-barang yang dapat dibawa oleh kenderaan mereka. Manakala emas, perak dan senjata akan menjadi milik Rasulullah SAW. Mereka juga bersetuju untuk tidak berbohong atau menyembunyikan sesuatu. Jika mereka melanggar syarat tersebut, perjanjian dan jaminan mereka tidak lagi sah." Namun, mereka telah menyembunyikan kulit yang di dalamnya terdapat harta milik Huyayy Ibn Akhtab, yang dibawa ke Khaibar ketika Bani Nadhir diusir keluar. Nabi SAW bertanya kepada bapa saudara Huyayy, "Apa yang terjadi kepada kulit atau harta Huyayy yang dibawa dari Nadhir?" Dia menjawab, "Ia telah habis dibelanjakan untuk keperluan dan peperangan." Nabi SAW kemudian menahan beliau dan berkata, "Perjanjian itu masih baru dan hartanya lebih banyak daripada itu." Hadis ini menunjukkan keabsahan penahanan reman, terutamanya apabila terdapat tanda-tanda dan bukti yang memerlukan penahanan tersebut.

Jumhur juga merujuk kepada *athar* yang diriwayatkan daripada para sahabat. Umar Ibn al-Khattab ra telah memenjarakan al-Hutai'ah kerana mencerca al-Zibriqan Ibn Badr. Beliau dipenjarakan di tempat yang kukuh dan gelap, berbeza dengan tempat-tempat penjara yang ada sebelum zaman Umar al-Farouq. Penahanan ini menunjukkan ketegasan dan kewibawaan Umar dalam menegakkan keadilan, menghindari pengaruh buruk dalam masyarakat (Al-Bukhari, 1997).

Umar juga telah memenjarakan Sabigh kerana bertanya mengenai surah-surah seperti *al-Dharyat*, *al-Mursalat*, *al-Nazi'at*, dan seumpamanya, serta menyuruh orang ramai untuk cuba memahami maksud yang lebih mendalam tentangnya. Tindakan Sabigh ini dianggap mempunyai unsur fitnah dan boleh membawa kepada kekeliruan dalam akidah umat Islam. Kesalahan Sabigh tidak hanya sekadar bertanya mengenai makna ayat-ayat Al-Quran, tetapi cara dan niat di sebalik pertanyaannya yang menimbulkan keraguan. Beliau dikatakan mempersoalkan ayat-ayat *mutasyabihat* (ayat yang mempunyai makna yang tidak jelas secara zahir dan hanya diketahui maksud hakikinya oleh Allah) dengan niat yang boleh menyesatkan masyarakat. Umar RA memukulnya berulang kali sebagai hukuman dan mengasingkannya ke Iraq, ada yang mengatakan ke Basrah, sambil menulis surat kepada orang ramai agar tidak bercakap dengannya. Dikatakan bahawa, sekiranya dia datang kepada mereka, walau seratus orang sekalipun, mereka akan menjauhinya. Namun, setelah menerima surat daripada Abu Musa yang menyatakan bahawa Sabigh telah bertaubat dengan sepuh hati, Umar ra memerintahkan agar dia dibenarkan untuk bergaul dengan orang ramai semula. (Ibn Farhun, 1958).

Uthman Ibn Affan RA turut memenjarakan Sabi' Ibn Harith, seorang pencuri dari Bani Tamim yang juga merupakan seorang pembunuh, yang akhirnya meninggal dunia di penjara. Ali Ibn Abu Talib ra di Kufah juga memenjarakan mereka yang dituduh sehingga mereka mengaku atas kesalahan mereka. Abdullah Ibn Zubair ra di Mekah turut memenjarakan seseorang dan beliau juga memenjarakan 'Arim Muhammad Ibn al-Hanafiyah kerana enggan memberikan bai'ah kepadanya. Begitu juga dengan penegasan Umar Ibn Abdul Aziz, yang berkata: "Jika suatu barang dijumpai bersama seorang lelaki yang dituduh dan dia berkata, 'Aku membelinya', maka ikatlah dia di penjara dengan ketat, dan jangan lepaskan dia dengan surat daripada sesiapa pun sehingga datang perintah Allah mengenainya" (Ibn Farhun, 1958).

Para jumbuh juga merujuk kepada ijmak yang bersepakat bahawa majoriti ulama sepakat mengenai keabsahan penahanan reman, dan mereka menganggapnya sebagai sebahagian daripada pelaksanaan politik yang adil, terutamanya apabila tuduhan terhadap seseorang disertai dengan bukti yang kukuh atau apabila terdapat tanda-tanda mencurigakan pada orang yang dituduh, atau jika individu tersebut dikenali sebagai seorang yang buruk rekodnya. Para ulama sepakat bahawa penahanan reman adalah sebahagian daripada politik yang adil, yang merupakan sebagian daripada syariah dan pelengkapannya (Ibn Qayyim, 1993).

2. Pendapat Kedua: Tidak Sah Penahanan Reman

Sebilangan ulama Hanafi dalam satu riwayat, termasuk dua sahabat Imam Abu Hanifah, Abu Sa'id al-Istakhri daripada mazhab Syafie Ibn Hazm berpendapat bahawa tidak dibenarkan menahan tertuduh kecuali apabila bukti lengkap telah dibuktikan. Jika seseorang tertuduh atau wali meminta penahanan untuk membawa bukti, terdapat keraguan dalam menjawab permintaan tersebut. Dasar pandangan ini adalah riwayat al-Sukuni daripada Abu Abdullah bahawa Nabi Muhammad SAW menahan seorang yang dituduh dalam kes pembunuhan selama enam hari. Jika wali darah membawa bukti, maka kes akan disabitkan. Jika tidak, tertuduh akan dibebaskan (Al-Muhaqqiq al-Hilli, 1970).

Pendapat ini merujuk kepada dalil-dalil dari Al-Quran dan al-Sunnah. Firman Allah SWT yang bermaksud "*Wahai orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi pendokong keadilan, yang menjadi saksi kerana Allah walaupun terhadap dirimu sendiri*" (Surah An-Nisa':135). Sabda Rasulullah SAW pula yang bermaksud "*Menghalangi kekayaan adalah kezaliman*" (Al-Bukhari, 1997). Firman Allah SWT dan hadis Rasulullah SAW ini menegaskan pentingnya keadilan dalam setiap aspek kehidupan. Oleh itu, penahanan yang dilakukan tanpa keadilan adalah suatu bentuk kezaliman. Menghalangi seseorang yang berhak menerima haknya, atau melambatkan pemberian hak tersebut, juga merupakan kezaliman. Begitu juga, meninggalkan orang yang benar-benar muflis tanpa memberi upah adalah suatu tindakan yang zalim dan mewah dan ini tidak dibenarkan dalam Islam. Menjadi kewajiban untuk menunaikan hak-hak mereka yang terzalimi. Jika seseorang menolak untuk menunaikan kewajiban tersebut, padahal dia berkemampuan, maka dia akan dipaksa untuk melakukannya (Ibn Hazm, 1931). Penahanan atau pemenjaraan disebut sebagai bentuk hukuman berat, yang juga dapat dilihat dari kisah Nabi Yusuf AS yang dibebaskan dari penjara sebagai bentuk kebaikan Allah kepadanya. Allah SWT berfirman yang bermaksud "*Dan sesungguhnya, Dia telah melimpahkan kebaikan kepadaku ketika Dia mengeluarkan aku dari penjara*" (Surah Yusuf: 25).

Pandangan ini juga mengemukakan dalil daripada hadis tentang seorang wanita yang mengaku telah berzina kepada Rasulullah SAW. Hadis riwayat Sulaiman Ibn Buraidah, daripada bapanya berkata "*Kemudian seorang perempuan dari qabilah al-Ghamidiyah datang menghadap Rasulullah SAW, Wanita itu berkata: "Wahai Rasulullah! Sucikanlah diri saya." Sabda Rasulullah SAW "Baliklah, beristighfarlah engkau dan bertaubatlah." Wanita itu berkata lagi: "Adakah engkau mahu melakukan kepada saya seperti yang engkau lakukan kepada Ma'iz Ibn Malik?" Rasulullah s.a.w. bertanya: "Apakah masalah engkau?" Wanita itu memberitahu bahawa dia sedang mengandung hasil perbuatan zina. Rasulullah SAW bertanya "Apakah benar?" Wanita itu menjawab: "Ya." Rasulullah SAW bersabda: "Bersalinlah dahulu." Wanita itu dijaga oleh seorang lelaki dari kalangan Ansar sehingga bersalin. Kemudian lelaki itu datang menemui*

Rasulullah SAW memberitahu bahawa wanita itu telah bersalin. Baginda bersabda: "Kita tidak akan merejamnya dan membiarkan anaknya tidak dapat menyusu." Lalu bangun seorang lelaki dari kalangan Ansar dan berkata: "Biar saya uruskan urusan penyusuan, wahai Nabi Allah." Lalu Rasulullah SAW merejam wanita itu" (Al-Nawawi, 1955).

Merujuk kepada peristiwa ini, Rasulullah SAW tidak memenjarakannya, namun memerintahkan seseorang dari kaum Ansar untuk menjaganya sampai dia melahirkan. Hadis ini menunjukkan bahawa Rasulullah SAW tidak memerintahkan penahanan langsung, tetapi membiarkan seseorang mengawasi dan menjaganya (Ibn Hazm, 1931). Adapun daripada catatan sejarah, terdapat riwayat tentang Abdullah Ibn Abu Malik yang menyampaikan kes seorang tertuduh kepada Umar Ibn Khatthab RA. Umar RA menolak untuk menahan orang tersebut tanpa bukti yang cukup (Al-Syafie, 1994).

Berdasarkan dalil dan hujah yang diberikan oleh kedua-dua kumpulan pandangan ini, kajian ini mendapati bahawa pendapat yang paling kuat adalah pendapat majoriti fuqaha yang membenarkan penahanan reman. Hal ini disokong oleh bukti bahawa Rasulullah SAW pernah menahan seorang lelaki atas tuduhan jenayah. Al-Khasaf (1977) menyebut *"Sebahagian penduduk Hijaz bertempur dan membunuh salah seorang daripada mereka, lalu Nabi Muhammad SAW menghantar mereka (kepada pihak berkuasa) dan menahan mereka. Oleh kerana tiada penjara pada zaman Nabi SAW dan Abu Bakar, mereka ditahan di masjid atau ruang pintu masuk sehingga Umar membeli sebuah rumah di Mekah dengan harga 4,000 dirham dan menjadikannya sebagai penjara"* (Ghalib, 2008). Ketiadaan tempat penahanan pada zaman Nabi SAW menunjukkan betapa sedikitnya penjenayah pada masa itu dan jenayah tidak meluas. Namun, apabila wilayah negara semakin luas dan bilangan penjenayah meningkat, Khalifah Umar menyediakan tempat penahanan, yang kemudian diikuti oleh para khalifah selepas beliau (Akmaluddin, 1970).

SYARAT, GARIS PANDUAN DAN TEMPOH PENAHANAN REMAN

Islam dikenali dengan pendekatannya yang menyeluruh dan harmoni dalam mengatur segala aspek kehidupan manusia, termasuk hal-hal berkaitan kehidupan, interaksi sosial, undang-undang dan sebagainya (Ibrahim & Sanadi, 2024). Oleh yang demikian, para fuqaha telah menetapkan beberapa syarat sebagai garis panduan penahanan reman, yang mesti dipenuhi oleh pihak berkuasa sebelum menahan seseorang tertuduh. Berikut adalah beberapa garis panduan utama:

1. Tertuduh Mempunyai Tuduhan Tertentu

Tertuduh mesti memiliki tuduhan yang kukuh, iaitu terdapat alasan yang meyakinkan bahawa terdapat bukti kuat terhadapnya untuk membenarkan penahanan reman. Begitu juga, apabila terdapat kemungkinan tuduhan itu benar atau tidak, hakim akan memanggil tertuduh tanpa sebarang perbezaan pandangan dalam kalangan fuqaha. Namun, jika terdapat kejelasan bahawa tertuduh tidak bersalah, terdapat dua pendapat sama ada hakim perlu memanggilnya atau tidak. Al-Tarabulsi (2018) menjelaskan Qadi Abu Yusuf berpandangan bahawa jika seseorang membuat tuntutan terhadap individu lain dan meminta hakim memanggilnya dan hakim tidak mengetahui sama ada tuntutan itu benar atau tidak, hakim akan memanggil individu tersebut berdasarkan *istihsan* (kebijaksanaan). Namun, hakim tidak akan memanggil tertuduh hanya berdasarkan tuduhan, kerana tuduhan itu bersifat kemungkinan semata-mata.

2. Terdapat Bukti (*Al-Bayyinah*) Jenayah dan Prosedur Belum Selesai

Sekiranya hakim memiliki bukti terhadap tertuduh, fuqaha bersetuju bahawa hakim boleh menahan tertuduh sementara berdasarkan kes atau untuk tujuan penyiasatan sehingga hakim memastikan kesahihan dan keadilan bukti tersebut. Majoriti fuqaha, termasuk Abu Yusuf dan Muhammad daripada mazhab Hanafi serta mazhab Syafie dan Hanbali, berpendapat bahawa antara tugas hakim sebelum membuat keputusan dalam kes adalah menyelidik keadilan saksi melalui penilai (*tazkiyah syuhud*), iaitu pembantu hakim. Penilai akan bertanya kepada orang yang mengenali saksi mengenai keadaannya, kerana keadilan adalah syarat menerima keterangan dalam semua hak (Al-Baji, 1999). Proses ini memerlukan masa dan tertuduh akan ditahan sementara sehingga hakim memastikan keadilan bukti dan melengkapkan penyiasatan khas serta prosedur kes bagi mencapai keadilan seperti yang dikehendaki oleh Islam. Di samping itu pihak berkuasa mesti bertindak berdasarkan kebarangkalian yang kuat (*Zan al-Ghalib*) bahawa usaha untuk menggalakkan kebaikan atau mencegah kemungkaran berkemungkinan besar akan mencapai hasil yang diinginkan (Al-Qarafi, 1928).

3. Terdapat Bukti Tidak Langsung (*Al-Qarinah*) Tentang Berlakunya Jenayah

Bukti tidak langsung (*al-qarinah*) merujuk kepada tanda-tanda atau petunjuk yang disimpulkan oleh hakim daripada peristiwa dan keadaan sekeliling (Zayd, 1937). Majoriti fuqaha berpendapat bahawa adalah wajib untuk bertindak berdasarkan bukti tidak langsung ini, yang menjadikannya salah satu garis panduan untuk penahanan reman (Al-Zilaei, 2010). Ibn al-Arabi al-Maliki (2003) menyatakan: "*Hakim harus memberi perhatian kepada tanda-tanda dan petunjuk apabila terdapat percanggahan. Hakim akan membuat keputusan berdasarkan petunjuk yang lebih kukuh untuk menyokong tuduhan.*" Jika tiada bukti jelas seperti luka atau pukulan pada pengadu, tuduhannya terhadap seseorang tidak diterima kecuali dengan bukti yang jelas (Abu Al-Hasan Al-Tusuli, 1998).

4. Membezakan Penahanan Reman dan Penahanan Jenayah

Majoriti fuqaha menyatakan bahawa tidak dibenarkan mencampurkan individu yang ditahan sementara dengan mereka yang ditahan kerana jenayah. Orang yang ditahan reman perlu ditempatkan di penjara khas yang berbeza dengan penjara untuk mereka yang menjalani hukuman. Penahanan reman juga mesti memastikan keperluan asas tertuduh dipenuhi kerana penahanan ini bertujuan untuk pengesahan, bukan hukuman. Ini penting kerana tertuduh mungkin didapati tidak bersalah selepas penyiasatan dan keterangan saksi (Al-Khasaf, 1977).

5. Perintah Penahanan Dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa

Al-Mawardi (2000) menjelaskan bahawa pihak yang layak mengeluarkan perintah penahanan adalah kerajaan atau hakim.

6. Penahanan di Tempat Khas

Tertuduh mesti ditahan di tempat khas sehingga kedudukannya jelas. Tidak dibenarkan menyeksa atau mengganggu tertuduh secara sewenang-wenangnya. Tempat penahanan mesti luas untuk membolehkan tertuduh berwuduk dan solat serta tidak menjejaskan kesihatannya (I'marah, 1998).

Berhubung dengan tempoh penahanan reman, majoriti fuqaha berpendapat bahawa tidak ada had minimum untuk tempoh penahanan reman. Jika ternyata bahawa orang yang dituduh adalah tidak bersalah kepada pihak pendakwa atau hakim, maka dia harus dibebaskan dari tahanan

dengan segera, walaupun dia hanya ditahan untuk beberapa minit sahaja (Al-Kasani, 1986). Manakala, para fuqaha berbeza pendapat mengenai tempoh maksimum penahanan reman. Pandangan pertama yang terdiri daripada Mazhab Maliki, Hanbali dan sebahagian Hanafi berpendapat bahawa tempoh penahanan reman ditentukan berdasarkan keadaan orang yang dituduh. Jika orang yang dituduh adalah orang yang adil, maka penahanannya tidak boleh melebihi satu atau dua atau tiga hari. Jika orang yang dituduh tidak diketahui keadaannya, dia ditahan sehingga keadaan sebenarnya jelas. Jika orang yang dituduh terkenal dengan kefasikan dan kerosakan, hakim boleh memanjangkan tempoh penahanan mengikut keperluan kes dan untuk mencapai keadilan. Beberapa fuqaha berpendapat bahawa dalam kes ini, penahanan boleh dipanjangkan sehingga mati (Al-Tarabulsi, 2018). Pandangan kedua dari Mazhab Hanafi menetapkan bahawa tempoh maksimum penahanan reman adalah antara empat hingga enam bulan. Sebahagian daripada Hanafi dalam riwayat menetapkan tempoh maksimum penahanan reman adalah satu bulan (Al-Marghinani, 2019). Sebahagian Syafie berpendapat bahawa tempoh maksimum penahanan reman adalah antara satu hingga enam bulan (Al-Mawardi, 2000). Selanjutnya, pendapat ketiga yang dikemukakan oleh sebahagian mazhab Hanafi dan Mazhab Syafie pula memberikan kuasa kepada hakim untuk menentukan tempoh penahanan reman (Al-Marghinani, 2019; Al-Mawardi, 2000).

PENAHANAN REMAN BAGI SIASATAN KES JENAYAH DI MALAYSIA

Penahanan reman merujuk kepada halangan yang signifikan terhadap kebebasan peribadi individu semasa proses pra-perbicaraan, yang disokong oleh perlindungan undang-undang baik di peringkat nasional mahupun antarabangsa. Penahanan ini secara prinsipnya dibenarkan berdasarkan keperluan untuk melaksanakan langkah-langkah pencegahan dalam kerangka undang-undang jenayah. Selain untuk tujuan siasatan, penahanan reman juga mengaplikasi amalan menahan individu dalam tahanan sementara menunggu perbicaraan, yang merupakan pelanggaran yang signifikan terhadap kebebasan peribadi dalam undang-undang jenayah (Čentěš et al., 2024). Penahanan reman berkait rapat dengan hak asasi manusia, termasuk kebebasan peribadi dan anggapan tidak bersalah (Sakowicz, 2022). Badan hak asasi manusia antarabangsa telah mengkritik amalan penahanan reman, di mana keadaan sering kali menyerupai kurungan bersendirian (Lönnqvist, 2024). Dengan mengambil kira hak asasi terhadap kebebasan dan anggapan tidak bersalah, suspek atau tertuduh hanya boleh dinafikan kebebasan mereka jika benar-benar diperlukan untuk memastikan kelancaran proses jenayah atau untuk mencegah pengulangan kesalahan (Ashford et al., 2024).

Berpandukan kepada Perlembagaan Persekutuan, jika seseorang ditahan, pihak penguatkuasa atau polis hanya boleh menahan individu tersebut sehingga 24 jam untuk membantu dan melengkapkan siasatan. Selepas tempoh 24 jam, jika pihak penguatkuasa percaya bahawa suspek tidak bersalah, mereka mesti membebaskan individu tersebut. Walau bagaimanapun, perintah penahanan reman boleh diberikan jika pihak penguatkuasa berpendapat bahawa siasatan tidak dapat diselesaikan dalam tempoh 24 jam. Seksyen 117 Akta Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593) adalah peruntukan undang-undang yang membenarkan penahanan suspek untuk tempoh lebih daripada 24 jam (Arunagiri et.al., 2022). Peruntukan ini juga menggariskan prosedur dan syarat untuk penahanan reman di Malaysia.

Majistret perlu memastikan terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa reman diperlukan bagi tujuan siasatan. Polis mesti memberikan fakta dan alasan jelas mengapa reman diperlukan, seperti untuk mendapatkan bukti tambahan, melengkapkan siasatan forensik

atau menjejaki saksi penting. Majistret mempunyai kuasa sama ada untuk meluluskan atau menolak permohonan reman berdasarkan bukti yang dikemukakan oleh polis. Jika permohonan diluluskan, perintah reman akan dikeluarkan dan suspek akan ditahan di penjara atau lokap polis untuk tempoh yang ditetapkan. Majistret juga boleh mengenakan syarat tertentu, seperti membenarkan suspek berjumpa peguam atau keluarga, serta mempertimbangkan keadaan peribadi suspek seperti kesihatan dan umur sebelum membuat keputusan.

Walaupun reman diperlukan bagi tujuan siasatan, terdapat laporan penyalahgunaan perintah reman oleh pihak berkuasa atas motif yang tidak selari dengan tujuan asalnya. Akibatnya, suspek yang berada dalam tahanan sering terdedah kepada ancaman dan penyeksaan, termasuk pemukulan yang merupakan pelanggaran serius terhadap hak asasi manusia (Arunagiri et.al., 2022). Amalan reman bersiri (*chain remand*) di bawah undang-undang semasa dianggap sah, namun penggunaannya yang berlebihan boleh membawa kepada penyalahgunaan hak asasi manusia atas alasan keselamatan negara atau kepentingan masyarakat. Kes seperti *Datuk Seri Khalid Abu Bakar & Ors v N. Indra Nallathamby & Anor [2014] 9 CLJ 15* menimbulkan perdebatan hangat mengenai kematian suspek dalam tahanan dan pelanggaran hak asasi manusia secara serius. Dalam kes *Hassan Marsom & Ors v. Mohd Hady Ya'akop [2018] 7 CLJ 403*, terdapat bukti bahawa responden diseksa dan didera semasa dalam tahanan reman, termasuk dilucutkan pakaian, dipukul dan matanya ditutup oleh pegawai polis, walaupun dia menafikan penglibatan dalam insiden tersebut. Isu seperti ini amat serius dan tidak boleh diabaikan.

Penahanan reman juga memberi pelbagai kesan negatif terhadap suspek dari aspek emosi, sosial dan politik. Sebagai contoh, suspek kehilangan kebebasan dan akses kepada keluarga, kesihatannya sering merosot akibat keadaan tahanan yang tidak memadai dan dia juga boleh kehilangan pekerjaan, sumber pendapatan, serta sokongan kepada tanggungan keluarga. Aspek kesihatan individu perlu diberi perhatian dan dijaga kerana ia adalah hak asasi manusia (Zainudin et. al., 2021). Satu kajian menunjukkan bahawa sehingga satu pertiga daripada tahanan di seluruh dunia berada dalam penahanan pra-perbicaraan, dengan ramai di antaranya mengalami masalah kesihatan mental seperti gangguan emosi kesan psikologi akibat penahanan reman memerlukan reformasi untuk menangani keperluan khusus golongan ini (Andrade et al., 2022).

JUSTIFIKASI KEPERLUAN KEPADA PENAHANAN REMAN BAGI KES JENAYAH SYARIAH

Senarai Negeri di bawah Perlembagaan Persekutuan Malaysia jelas memperuntukkan kuasa kepada Badan Legislatif Negeri untuk menggubal undang-undang berkaitan hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut Islam. Antara enakmen berkaitan ialah Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Mohd Sabirin et al., 2024). Enakmen Tatacara Jenayah Syariah dirangka dengan merujuk kepada Akta 593 dan disesuaikan dengan prinsip Syariah. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kekurangan yang ketara, khususnya peruntukan peruntukan undang-undang yang jelas mengenai penahanan reman. Lakuna ini melibatkan tahanan melebihi 24 jam dalam Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Abd Rahim et al., 2018). Kekurangan ini juga melibatkan penahanan terhadap kanak-kanak, di mana tiada peruntukan undang-undang atau Prosedur Operasi Standard (SOP) yang tersedia. Kanak-kanak yang menjadi suspek atau pesalah berhak menerima layanan khas yang menghormati maruah mereka dan mengambil kira kerentanan mereka. Prosedur jenayah pra-perbicaraan atau penahanan terhadap kanak-kanak perlu mengambil kira usia muda dan sensitiviti mereka, serta membezakannya daripada orang dewasa (Yusof, 2024).

Salah satu sebab utama ketiadaan peruntukan penahanan reman dalam Enakmen Tatacara Jenayah Syariah adalah kenyataan bahawa keterangan yang diperoleh semasa soal siasat terhadap suspek tidak diterima sebagai bukti di mahkamah. Ini menimbulkan persoalan tentang keperluan penahanan reman jika kenyataan tersebut tidak boleh digunakan. Selain itu, terdapat pandangan bahawa penahanan reman tidak dapat dilaksanakan kerana ketiadaan kemudahan atau ruang yang khusus untuk tujuan tersebut (Rahim et.al., 2018). Namun, alasan ini tidak relevan kerana siasatan tetap boleh dijalankan ke atas suspek dan saksi bagi membantu pihak berkuasa agama mendapatkan bukti yang diperlukan. Isu ketiadaan tempat khas juga boleh diselesaikan jika peruntukan reman dimasukkan ke dalam undang-undang.

Desawarsa ini, isu masalah sosial dan kelemahan akidah dalam kalangan umat Islam sering menjadi perbincangan dan polemik dalam masyarakat. Kesan dari perkara ini memberikan impak yang besar kepada masyarakat serta membawa kepada pelbagai gejala sosial dan kelemahan dalam penguasaan ilmu agama dalam kalangan umat Islam pada hari ini (Mohd Noor & Mohd Mokhtar, 2021). Ia juga memberikan impak kepada peningkatan jenayah syariah. Oleh itu, penahanan reman memainkan peranan penting untuk memastikan proses siasatan berjalan lancar dan hukuman dapat dilaksanakan apabila tertuduh didapati bersalah. Penahanan reman juga membolehkan pihak berkuasa menahan suspek buat sementara waktu, terutamanya jika suspek dianggap membahayakan keselamatan awam, pihak yang terlibat atau proses siasatan yang sedang berjalan, atau jika terdapat risiko suspek melarikan diri. Menurut undang-undang, penahanan reman mesti dilakukan di lokasi yang telah digazetkan untuk tujuan tersebut dan dalam tempoh yang ditetapkan oleh undang-undang bagi suspek yang disyaki melanggar undang-undang jenayah (Shariff, 2012). Proses siasatan amat penting kerana ia berkait rapat dengan pengumpulan bukti, yang memainkan peranan penting dalam memastikan keadilan tercapai (Saifuddin et.al., 2024).

Dalam konteks penguatkuasaan undang-undang syariah, siasatan yang lengkap dan mengandungi semua bukti yang diperlukan adalah asas kepada pelaksanaan hukuman jenayah syariah secara efektif. Dalam prosiding litigasi, keadilan dicapai berdasarkan bukti yang dikemukakan dalam prosiding kehakiman. Bukti tersebut adalah penting dalam membantu hakim mencari kebenaran dan menjatuhkan hukuman yang adil dan saksama (Saifuddin et. al., 2020). Selain itu, penahanan reman dapat mengelakkan kehilangan bukti penting semasa tempoh soal siasat jika suspek dibebaskan. Oleh yang demikian adalah penting untuk mengelakkan kehilangan bukti penting yang boleh berlaku semasa tempoh soal siasat jika suspek dibebaskan terlalu awal. Jika suspek dibenarkan bebas, terdapat risiko bukti boleh dimusnahkan atau diubah oleh pihak tertentu. Penahanan reman juga bertujuan melindungi masyarakat daripada bahaya yang mungkin ditimbulkan oleh suspek serta mencegah suspek daripada melarikan diri ('Ali, 2011). Pembebasan suspek sebelum siasatan selesai boleh menyebabkan masyarakat terdedah kepada ancaman yang tidak diingini. Penahanan reman juga berfungsi untuk mencegah suspek daripada melarikan diri. Dalam beberapa kes, terdapat kemungkinan suspek akan cuba mengelakkan tindakan undang-undang dengan melarikan diri, dan penahanan reman memastikan mereka kekal berada di bawah kawalan pihak berkuasa sehingga proses siasatan dan pendakwaan selesai. Secara keseluruhannya, penahanan reman bukan hanya untuk memastikan keadilan, tetapi juga untuk memberi ruang kepada pihak berkuasa melengkapkan siasatan dengan teliti dan mengelakkan sebarang gangguan yang boleh menghalang proses perundangan.

Ketiadaan peruntukan berhubung dengan penahanan reman merupakan satu kelompongan besar apabila Mahkamah Syariah tiada panduan serta tiada bidang kuasa dalam menangani kes sekiranya siasatan tidak dapat dilaksanakan dalam tempoh 24 jam. Penahanan lanjut yang diberikan kepada pegawai siasatan untuk melengkapkan siasatan tanpa had masa juga membawa

kepada penahanan yang tidak sah dan melanggar hak asasi Orang Yang Disyaki (OYDS) seperti dalam kes *Abdul Kahar Ahmad & Ors v. Jabatan Agama Islam Selangor & Ors [2022] 10 CLJ*. Selain daripada itu, dalam kes yang sama kelompongan ini turut membawa kepada penafian hak-hak OYDS yang lain. Sebagai contoh, penahanan reman tanpa peruntukan yang jelas boleh mengakibatkan penafian hak untuk diwakili dan dibela oleh peguam semasa perintah penahanan diberikan. Ini bercanggah dengan prinsip asas keadilan yang menjamin hak setiap individu untuk mendapatkan pembelaan sewajarnya. Selain itu, hak anggapan tidak bersalah OYDS sehingga dibuktikan sebaliknya juga diabaikan sekiranya penahanan dibuat melebihi tempoh yang munasabah. Dalam kes sedemikian, penahanan reman boleh dilihat sebagai satu bentuk penghukuman terhadap OYDS tanpa disabitkan kesalahan secara sah di sisi undang-undang.

Selain itu, ketiadaan peruntukan yang jelas bagi menentukan had masa penahanan membawa kepada ketidakpastian dalam pelaksanaan undang-undang. Jika pegawai siasatan dibenarkan menahan suspek tanpa batasan waktu, ini boleh membuka ruang kepada penyalahgunaan kuasa dan penahanan yang sewenang-wenangnya. Oleh itu, adalah penting untuk menetapkan tempoh penahanan yang jelas serta mewujudkan mekanisme kawalan yang memastikan hak asasi OYDS tidak dicabuli. Hak asasi ini perlu diperlihara agar tiada mana-mana pihak seperti pihak yang menyokong aliran liberal berpeluang untuk mengkritik perundangan syariah terutamanya berkaitan penahanan reman (Ismail & Haji Hassan, 2021). Penahanan reman yang melebihi had munasabah tanpa proses perundangan yang jelas boleh diklasifikasikan sebagai tindakan yang tidak berperlembagaan dan bertentangan dengan prinsip keadilan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

KESIMPULAN

Penahanan reman memainkan peranan yang amat penting dalam membantu penguatkuasaan undang-undang Syariah, khususnya untuk mempercepatkan proses siasatan dan memastikan keadilan ditegakkan dengan tuntas. Oleh yang demikian, peruntukan berkaitan penahanan reman untuk tujuan penyiasatan perlu diperuntukkan di dalam Enakmen Tatacara Jenayah Syariah di setiap negeri. Langkah ini sangat relevan dalam menangani kes-kes yang kompleks dan serius, seperti isu penyebaran ajaran sesat yang semakin membimbangkan di Malaysia, di mana siasatan yang mendalam, bukti yang kukuh dan tempoh siasatan yang mencukupi adalah sangat diperlukan. Paling utama, penahanan reman adalah dibenarkan menurut pandangan Islam, seperti yang disokong oleh pandangan terkuat para fuqaha, yang membenarkan penahanan reman demi tujuan penyiasatan. Walau bagaimanapun, peruntukan undang-undang yang akan digubal harus menetapkan tempoh yang munasabah serta mematuhi syarat dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh hukum syarak. Penahanan reman tidak boleh sama sekali disalahgunakan untuk tujuan penganiayaan atau penyalahgunaan kuasa. Sebaliknya, ia perlu dijalankan dengan penuh integriti bagi menjamin hak dan maruah suspek sentiasa dipelihara. Di samping itu, peruntukan yang dicadangkan mesti mengambil kira kebajikan suspek, termasuk penyediaan kemudahan penahanan yang sesuai serta memastikan tiada unsur gangguan fizikal, mental atau emosi sepanjang tempoh penahanan. Dengan memastikan penahanan reman dilaksanakan secara beretika dan selaras dengan prinsip keadilan Islam, ia bukan sahaja memperkukuh sistem perundangan syariah, tetapi juga meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap keadilan dan ketelusan institusi agama dalam mengendalikan kes jenayah syariah.

PENGHARGAAN

Ucapan penghargaan diberikan kepada Geran GGPM-2023-006 dan Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia kerana membiayai penerbitan artikel ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Semua penulis bersama-sama menyumbang kepada pengumpulan dan penganalisan data serta penulisan artikel ini.

RUJUKAN

- Abd Rahim, F. S., Yusof, W., & Ismail, N. 2018. Justifikasi Keperluan Penahanan Reman Menurut Perundangan Islam dan Sivil. *Jurnal Fiqh*, 15(1), 87-116.
- Abdul Hamid, I. 1998. *Domanat al-Muttaham*. Algeria: Dar Al-Muhammadiyah Al-Amah.
- Abdul Kahar Ahmad & Ors v. Jabatan Agama Islam Selangor & Ors [2022] 10 CLJ.
- Abi 'Iyyad, 'I.M. 1998. *Ikmal al-Mu'allim Bi Fawaid Muslim*. Mesir: Dar al-Fawa'.
- Abu al-Walid, A.B. 1999. *Al-Muntaqa Syarh Al-Muwatta Imam Malik*. Lebanon: Dar al-Kutub 'Ilmiyyah.
- Abu Daud, S. 1993. *Sunan Abi Daud*. Kaherah: Matba'ah Al-Tazi.
- Ahmad Ibn Hanbal. 1999. *Musnad Ahmad Ibn Hanbal*. Beirut: Dar al-Hikmah, Beirut.
- Akmaluddin, A. 1970. *Al-'Inayah Syarh al-Hidayah*. Mesir: Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Akta Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593).
- Al-Baihaqi, A.-B. A. 2003. *Al-Sunan Al-Kubra*. Beirut: Dar Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Al-Baji, A.-B. 1999. *Al-Muntaqa Syarh Al-Muwatta*. Lebanon: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Buhuti, M. 2000. *Syarh Muntafa al-Iradat*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Bukhari, A. A. M. 1997. *Sahih Al-Bukhari ma' Hashiyat Al-Sindi*. Beirut: Maktabah Al-'Asriyyah.
- Al-Fayyumi, A. M. 1977. *Misbah Al-Munir*. Kaherah: Dar Al-Ma'arif.
- Al-Hakim. 1968. *Al-Mustadrak Ala Al-Sahihain*. Beirut: Dar Al-Fikr.
- Al-Kasani, A. A. A. B. 1986. *Bada'i Al-Sana'i*. Lebanon: Dar Kutub 'Ilmiyyah.
- Al-Khasaf, H. O. 1977. *Syarh Adab al-Qadi*. Baghdad: Dar al-'Arabiyyah.
- Al-Maraghi, A. M. 1974. *Tafsir al-Maraghi*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Marghinani, B. 2019. *Al-Hidayah Syarh Bidayah*. Medina: Dar Al-Siraj.
- Al-Mausu'ah Al-Fiqhiyyah. 1993. Kuwait: Wizarah Al-Aqwqaf wa Al-Syu'un Al-Islamiyyah.
- Al-Mawardi, A. A. 2000. *Al-Ahkam Al-Sultaniyah*. Kaherah: Mutafa al-Babi al-Halabi.
- Al-Muhaqqiq al-Hilli. 1970. *Syaraei' al-Islam fi Masail Al-Halal wa Al-Haram*. Iran: Muassasah Imam a-Khoei.
- Al-Nawawi, A. Z. M. Y. I. S. 1955. *Sahih Muslim bi Sharh Al-Nawawi*. Beirut: Dar Ihya' Al-Kutub Al-'Arabiyyah.
- Al-Qarafi. 1928. *Al-Faroq*. Mesir: Matba'ah Isa Al-Halbi.
- Al-Sarkhasi, M. I. A. A. S. A. B. 1989. *Al-Mabsut*. Beirut: Dar Al-Ma'rifah.
- Al-Shafie, M. I. 1994. *Musnad al-Shafi'i*. Beirut: Dar al-Hidayah.
- Al-Suyuti, J. 1998. *Al-Asybah wa Al-Nazair*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah

- Al-Tarabulsi, A. H. A. H. K. 2018. *Mu'in Al-Hukkam Fi-Ma Yataraddadu Bayna Al-Khasmayn Min Al-Ahkam*. Damascus: Dar al-Qalam.
- Al-Tusuli, A. H. 1998. *Al-Bahjah fi Sayrh Al-Tuhfah*. Beirut: Dar Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Al-Zilaei, U. A. 2010. *Tabyin al-Haqa'iq*. Mesir: Matba'ah al-Amiriyyah Al-Kubra.
- Andrade, J., Neto de Sousa, M. F., Gonçalves, R. A., & Castro-Rodrigues, A. 2022. Remand Prisoners' Specific Needs: A Systematic Review. *Journal of Police and Criminal Psychology*. 38, 942–955.
- Arunagiri, S., Rajamanickam, R., Samsudin, I. S., & Zahir, M. Z. M. 2022. Legal issues related to remand in Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(10), 1-17. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i11.1984>
- Ashford, M., Branston, G., & Redhouse, N. 2024. *Remand to Youth Detention Accommodation*. United Kingdom: Oxford University Press.
- Bahnasi, A. F. 1983. *'Uqubah fi Islam*. Kaherah: Dar Al-Syuruk.
- Čentěš, J., & Beleš, A. 2024. Preventive Detention on Remand in Pre-Trial Proceedings from the Point of View of Theory and Practice. *Bratislava Law Review*, 8(2), 93–110. <https://doi.org/10.46282/blr.2024.8.2.882>
- Datuk Seri Khalid Abu Bakar & Ors v N. Indra Nallathamby & Anor [2014] 9 CLJ 15.
- Deepan Mahajan v Director of Enforcement (1991) Cr LJ 1124.
- Firuzabadi, 1989, 1993. *Kamus al-Muhit*. Mesir: Maktabah Al-Tijariyyah.
- Ghalib, A. K. 2008. *Awliyat al-Faruq Fi al-Idarah wa al-Qada'*. Mesir: Dar al-Wafa'.
- Hassan Marsom & Ors v Mohd Hady Ya'akop [2018] 7 CLJ 403.
- Ibn 'Abidin, M. A. 1996. *Hasyiah Ibn 'Abidin*. Kaherah: Matba'ah Mustafa al-Halabi.
- Ibn Abi Syaibah, A. B. A. A. 1983. *Al-Mussannaf Ibn Abi Syaibah*. Lebanon: Tauzi' al-Maktab al-Islami.
- Ibn Al-Humam, K. D. M. 1970. *Fath al-Qadir*. Mesir: Mustafa Al-Babi Al-Halabi.
- Ibn Arabi, A. B. M. 2003. *Ahkam al-Quran*. Beirut: Dar Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Ibn Farhun, I. A. 1958. *Tabsirah Al-Hukkam*. Kaherah: Matba'ah Mustafa al-Halabi.
- Ibn Hazm, A. M. 'A. A. 1931. *Al-Muhalla*. Mesir: Matba'ah Al-Muniriyyah.
- Ibn Kathir, A. F. 'I. A.D. 2002. *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Kaherah: Dar Al-Hadis.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah, M. A. B. 1989. *Al-Turuq Al-Hukmiyyah*. Damascus: Maktabah Dar Al-Bayan.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah, M. A. B. 1993. *Ilam al-Muwaqi'in*. Dar al-Hadis, Kaherah.
- Ibn Taimiyyah, T. A. A. 2004. *Majmuk' Fatawa Ibn Taimiyyah*. Saudi Arabia: Tab'ah al-Mushaf al-Syarif.
- Ibnu Muflih, S. A. D. A. 2004. *Al-Furu'*. Jordan: Dar Afkar Dauliyyah.
- Ibrahim, M., & Sanadi, F. H. 2024. Liberal Muslim Interpretation of Islamic Shari'a: An Analysis. *Akademika*, 94(1), 14-25.
- Imam Sahnun, A. A. 1994. *Al-Mudawaanah Al-Kubra*. Lebanon: Dar al-Kutub 'Ilmiyyah.
- Ismail, I., & Haji Hassan, A. M. 2021. Pemikiran Sisters in Islam dan Hak Asasi Manusia. *Akademika*, 91(1), 151-164.
- King, S., Bamford, D., & Sarre, R. 2008. The remand strategy: Assessing outcomes. *Current Issues in Criminal Justice*, 19(3), 327-344.
- Lönnqvist, E. 2024. The politics of pretrial detention: Mapping the development of Swedish remand policy. *Punishment & Society*, 1-22.
- Mohd Noor, A. Y., & Mohd Mokhtar, A. 2021. Sains Tauhidik: Kolaborasi Ilmu antara Al-Qur'an dan Sains Moden. *Akademika*, 91(2), 167-176.

- Mohd Sabirin, N.A., Mohd Shariff, A.Z., & Yahya, M.A. 2024. Penggubalan Undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia: Analisis ke atas Kekaburan Bidang kuasa Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. *Akademika*, 94(2), 346-360.
- Nizam, A. 1998. *Al-Fatawa Al-Hindiyyah*. Beirut: Dar Kutub Al-‘Ilmiyyah.
- Rahim, F. S. A., Yusof, W., & Ismail, N. 2018. Justification of the need for remand detention according to Islamic and civil jurisprudence. *Journal of Fiqh*, No. 15, 87-116.
- Sa'eedy, A. 2011. Different cases of imprisonment in Islam. *Journal of Faculty of Law and Political Science (FALL)*, 41(3), 185-199.
- Saifuddin, S., Mohd Shariff, A.A., Md Said, M.H., Rajamanickam, R., & Tg. Zainudin, T.N.A. 2020. Pemakaian Beban dan Darjah Pembuktian dalam Kes Jenayah Syariah di Malaysia: Suatu Analisis. *Akademika*, 90(1), 87-98
- Saifuddin, S., Tajuddin, H. H. A., Yahya, M. A., Rahman, M. R. A., & Hashim, F. Y. 2024. Examining The Application of Standard of Proof in Criminal Cases: A Comparative Analysis of Islamic Law And Common Law In Malaysia. *Malaysian Journal Syariah and Law*, 12(1), 11-22. <https://doi.org/10.33102/mjssl.vol12no1.491>
- Sakowicz, A. 2022. The Impact of The Case Law of The Constitutional Tribunal on The Standard of Detention on Remand in Poland. *Revista Brasileira de Direito Processual Penal*, 8(1), 47-84.
- Shariff, A. A. 2012. *Prosedur Siasatan dan Pendakwaan Jenayah Syariah: Lakuna Dalam Peruntukan Undang-Undang Jenayah Syariah Di Malaysia*. (Tesis PhD). Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sirru, I. S., Samsudin, R., Rajamanickam, R., & Nordin, R. 2022. Roles of Human Rights Bodies on Chain Remand Complaints in Malaysia. *Cogent Social Sciences*, 8(1), 1-18. <https://doi.org/10.1080/23311886.2022.2095079>
- Yusof, W. 2024. A Pre-Trial Standard Operation Procedure for Children in Conflict With Syariah Criminal Law in Malaysia. Samarah: Jurnal Hukum Keluarga dan Hukum Islam, 8(1), 126-143. <https://doi.org/10.22373/sjhh.v8i1.16097>
- Zaid, F. 1937. *Hujiah al-Qarain fi Qanun Wa Shariah*. Mesir: Al-Azhar.
- Zainudin, T. N. A. T., Zahir, M. Z. M., Shariff, A. A. M., Rajamanickam, R., Chin, O. T., Rahman, Z. A., Nor, N. H. M., Sulaiman, S., Bidin, A., Musa, M. K., & Salleh, K. 2021. Legal Exploration of Right to Health. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities (JSSH)*, 29(2), 221-232. <https://doi.org/10.47836/pjssh.29.s2.15>

Suhaizad Saifuddin (Penulis koresponden)
Fakulti Undang-Undang
Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 Bangi, Selangor, Malaysia
Emel: suhaizad@ukm.edu.my

Hanifah Haydar Ali Tajuddin
Fakulti Undang-Undang
Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 Bangi, Selangor, Malaysia
Emel: hanifahhaydar@ukm.edu.my

Fatimah Yusro Hashim
Fakulti Undang-Undang
Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 Bangi, Selangor, Malaysia
Emel: wardatun@ukm.edu.my